

Oleh IWAN SHU-ASWAD SHUAIB  
 iwan@thestar.com.my  
 Foto LOW LAY PHON

# Trauma: 'Parut' kanak-kanak mangsa dera

**P**ENDERAAAN kanak-kanak bukan tragedi baru dalam masyarakat di Malaysia. Setiap tahun ada sahaja golongan malang itu menjadi mangsa mereka yang zalim dan tidak berhati perut.

Lebih teruk lagi jika jenayah itu melibatkan ibu bapa kandung sebagai 'pemangsa' yang pastinya meninggalkan trauma kepada anak-anak yang masih tidak mengerti apa-apa dalam hidup.

Terkini ialah kes di Johor Baru melibatkan kanak-kanak malang, Nor Dania Qistina Norafizan, 3, yang meninggal dunia awal bulan ini akibat dibunuh selepas didera.

Sehubungan itu, bapanya, Norafizan Ludin, 30 dihadapkan ke Mahkamah Majistret bersama isterinya atas tuduhan membunuh mangsa dan mendera dua adik-beradiknya.

Dewi Nadia Alias, 25, yang juga ibu tiri Nor Dania Qistina didakwa membunuh mangsa di rumah beralamat 1284-6, Jalan Tengku Mariam, Batu 17 1/2 Kampung Sungai Tiram, Ulu Tiram, di sini antara pukul 9 pagi pada 8 Januari dan 9 pagi keesokan harinya.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.


Banyak lagi kes penderaan yang kadang kala apabila difikirkan seolah-olah tidak masuk akal apatah lagi jika melibatkan ibu bapa kandung sendiri.

## Trauma

Jika Nor Dania masih hidup, bayangkan penderitaan dan trauma yang bakal dihadapinya.

Hakikatnya, kesan trauma jangka panjang itu boleh berlarutan sepanjang hayat sekiranya kes penderaan kanak-kanak dipandang ringan oleh masyarakat.

Sebanyak 2,789 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan kepada




Penderaan langsung tidak dapat mendidik anak sebaliknya ia akan menghancurkan masa depan mereka yang mengalami trauma.

dan persepsi itu turut berlaku dalam penderaan kanak-kanak," kata Goh kepada *Mingguan mStar* baru-baru ini.

## Mata, telinga persekitaran

Beliau yang prihatin terhadap pembangunan kanak-kanak trauma menjalankan beberapa projek dengan kerjasama Tabung Darurat Kanak-Kanak Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Unicef). Kata Goh, kerjasama Bahagian Psikologi di HELP dan Unicef amat bertepatan kerana masing-masing tertumpu kepada usaha melindungi dan menghormati kanak-kanak.

"Tanpa sebarang kesedaran



SAKIT...Salah seorang kanak-kanak mangsa dera yang berusia lima tahun mengalami lebam di bahagian belakang badan akibat dipukul dengan rotan besar.



sabit kesalahan.

Banyak lagi kes penderaan yang kadang kala apabila difikirkan seolah-olah tidak masuk akal apatah lagi jika melibatkan ibu bapa kandung sendiri.

## Trauma

Jika Nor Dania masih hidup, bayangkan penderitaan dan trauma yang bakal dihadapinya.

Hakikatnya, kesan trauma jangka panjang itu boleh berlarutan sepanjang hayat sekiranya kes penderaan kanak-kanak dipandang ringan oleh masyarakat.

Sebanyak 2,789 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2009 dan setakat Januari hingga April tahun lepas sahaja melibatkan 1,010 kes meliputi penderaan seperti secara fizikal, seksual dan emosi.

Mitos masyarakat terhadap penderaan berdasarkan kesan fizikal sedangkan ia hanya antara 'senjata' yang mampu merosakkan kehidupan dan masa depan kanak-kanak.

"Kebanyakan kesan dera tersembunyi namun boleh dikenal pasti berdasarkan simptom-simptom seperti perubahan sikap dan tingkah laku kanak-kanak," kata Dr Goh Chee Leong, Dekan dan Naib Presiden Fakulti Sains Kelakuan di Kolej Universiti HELP.

Beliau menjelaskan bahawa ramai faham tentang penderaan kanak-kanak tetapi mereka tidak bertindak.

Justeru, katanya, budaya sedemikian perlu diubah dengan memupuk sikap prihatin demi mempertahankan hak kanak-kanak malang di negara ini.

"Ramai yang tidak membantu kerana mereka beranggapan bahawa setiap keadaan itu akan mendapat perhatian daripada orang lain untuk menghulurkan bantuan.

"Sama juga bila seseorang itu melihat satu kebakaran di sebuah kondominium di mana terdapat kebarangkalian dia tidak akan hubungi talian kecemasan.

"Apa yang membahayakan keadaan apabila semua orang mempunyai tanggapan yang serupa

dalam penderaan kanak-kanak," kata Goh kepada *Mingguan mStar* baru-baru ini.

## Mata, telinga persekitaran

Beliau yang prihatin terhadap pembangunan kanak-kanak trauma menjalankan beberapa projek dengan kerjasama Tabung Darurat Kanak-Kanak Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Unicef). Kata Goh, kerjasama Bahagian Psikologi di HELP dan Unicef amat bertepatan kerana masing-masing tertumpu kepada usaha melindungi dan menghormati kanak-kanak.

"Tanpa sebarang kesedaran masyarakat untuk bertindak, ini hanya memburukkan psikologi kanak-kanak yang dibelengu dengan ketakutan dan trauma yang melampau. Kita adalah mata dan telinga terhadap persekitaran yang berlaku dalam masyarakat maka janganlah ditutup deria keprihatinan itu," katanya.

Beliau menambah, kanak-kanak mangsa dera berada dalam kesulitan menyebabkan mereka 'terperangkap' dalam dunia mereka sendiri yang didera tanpa henti.

Tidak dinafikan simptom untuk mengenal pasti kanak-kanak mangsa dera boleh dikesan menerusi tanda-tanda secara fizikal seperti luka, lebam dan parut.

Begitu juga dengan situasi yang mencurigakan seperti kanak-kanak yang terpaksa memakai baju lengan panjang dalam cuaca panas bagi menyembungkan kesan dera.

Goh berkata, orang luar seperti guru boleh melakukan pemeriksaan terhadap kanak-kanak terbaik menerusi pendekatan terbaik agar dirinya lebih selesa dan terbuka.

"Kesan psikologi yang jelas kelihatan adalah perubahan sikap dan tingkah laku kanak-kanak itu yang dahulunya ceria bertukar kepada pendiam dan lebih suka menyendiri.

"Mereka boleh berbincang dengan kanak-kanak terbabit dengan bertanyakan keadaan di rumah tetapi jangan sekali-kali mengatakan ia disebabkan penderaan," katanya.

Beliau mengingatkan masyarakat



DR GOH CHEE LEONG

bahawa dalam kemurungan akibat didera, kanak-kanak itu sukar untuk menerima orang lain apatah lagi dipercayainya.

Menurut Goh, mereka akan berasa malu dengan keadaan yang dialami dan berasa tidak yakin terhadap diri sendiri menyebabkan lebih suka untuk menyendiri.

## Luahan suara hati

Kebanyakan kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan kepada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membabitkan individu bukan ahli keluarga.

Mereka merupakan jiran, guru dan doktor yang sering membantu mengenal pasti simptom memungkinkan kanak-kanak ini didera untuk siasatan lanjut.

Goh berkata, ini menunjukkan mereka adalah penyelamat kepada kanak-kanak malang berbanding sikap 'tidak campur tangan' yang diamalkan segelintir masyarakat.

"Sebenarnya adalah lebih baik bertindak dengan menggunakan pendekatan psikologi bagi menghentikan perbuatan terkutuk ini," katanya.

Antara lain adalah pengenalan Childline, satu perkhidmatan ke talian 15999 yang bersedia untuk mendapatkan nasihat dan bantuan mengenai masalah kanak-kanak.

Goh berkata, tekanan yang dihadapi kanak-kanak mangsa



SAKIT...Salah seorang kanak-kanak mangsa dera yang berusia lima tahun mengalami lebam di bahagian belakang badan akibat dipukul dengan rotan besar.

dera menyebabkan mereka enggan berkongsi masalah itu dengan orang di sekelilingnya.

"Justeru, Childline dijadikan sebagai rakan kerana menganggapnya sebagai orang asing yang lebih mudah dan selesa untuk meluahkan suara hati.


"Setiap kanak-kanak menunjukkan reaksi berbeza bergantung kepada keadaan dan persekitaran maka masyarakat perlu tampil membantu mereka," katanya.

Subungian itu, demi menangani masalah penderaan kanak-kanak yang merupakan tanggungjawab bersama, Unicef menggerakkan kempen 'Jom Sertai Kami'.

Kempen tersebut bertujuan untuk melindungi kanak-kanak dengan tindakan segera seiring dengan mesej 'Tangani isu penderaan kanak-kanak. Hentikannya sekarang!'

Menurut Goh, apa yang diharapkan menerusi kempen itu adalah peningkatan kesedaran dan lebih banyak penglibatan masyarakat dalam menangani kes penderaan kanak-kanak.

Selain itu katanya, lebih banyak kes dilaporkan segera agar kanak-kanak itu tidak lagi terus menjadi mangsa dera yang hanya merosakkan kehidupan dan masa



Mangsa dera akan mengalami trauma yang berpanjangan.

depan mereka.

Orang ramai boleh melayari laman web di [www.unitedagainstabuse.my](http://www.unitedagainstabuse.my) bagi menyatakan sokongan dan mengetahui lebih banyak maklumat mengenai penderaan kanak-kanak.

Laman web itu merupakan sebahagian daripada Kempen 'Jom Sertai Kami' yang menghimpunkan pengetahuan, pendapat, pandangan dan nasihat serta sumber rujukan yang mendidik masyarakat bagi melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa dera.